

Mahkamah benar komital terhadap Peguam Negara

MyMetro | Artikel ini disiarkan pada : Selasa, 27 Ogos 2019 @ 11:56 AM



MUHAMMAD Adib Mohd Kassim

MAHKAMAH Koroner Shah Alam, hari ini, membenarkan permohonan komital (menghina mahkamah) difailkan bapa Muhammad Adib Mohd Kassim terhadap Peguam Negara, Tommy Thomas berhubung inkues kematian mangsa.

Koroner Rofiah Mohamad membuat keputusan itu selepas meneliti dokumen, afidavit dan hujahan kedua-dua pihak melalui peguam Haniff Katri Abdulla yang mewakili bapa Muhammad Adib selaku pemohon dan Peguam Kanan Persekutuan, S Narkunavathy Tommy yang mewakili defendan (Tommy).

Rofiah dalam penghakimannya berkata, mahkamah berpuas hati berhubung wujudnya prima facie atas imbalan keberangkalan kedua-dua belah pihak.

“Inkues kematian Muhammad Adib mendapat perhatian berikutan berprofil tinggi dan berkepentingan awam serta dilaporkan di media,” katanya.

Rofiah berkata, menerusi afidavit dikemukakan bekas Pegawai Pengendali, Hamdan Hamzah pada 3 April lalu, ia menjadi rentetan hingga orang ramai menggesa supaya inkues ini digantikan dengan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI).

“Ini sekali gus menimbulkan persepsi terhadap inkues dijalankan oleh saya atas arahan Peguam Negara untuk mengetahui punca kematian Muhammad Adib.

“Perkara ini seolah-olah meletakkan inkeus ini hanyalah wayang sehingga orang luar terpenggil untuk menubuhkan RCI,” katanya.

Selain itu, mahkamah turut menetapkan 23 September depan sebagai pendengaran dan pengurusan kes.

Pada 16 Julai lalu, Mohd Kassim Abdul Hamid bapa kepada Muhammad Adib, anggota bomba yang maut dalam rusuhan di Kuil Sri Maha Mariamman, Subang Jaya, tahun lalu, memfailkan permohonan perintah komital kepada Tommy kerana menghina mahkamah berkaitan prosiding inkues bagi mencari punca kematian anaknya.

Permohonan sebelah pihak (ex-parte) itu dibuat melalui Tetuan Mohd Zubir Embong & Associate di Pejabat Pendaftar Mahkamah Koroner.